



SIARAN MEDIA

Media Release

INDEKS HARGA PENGGUNA

Consumer Price Index

(Jan 2015=100)

MEI 2024

MAY 2024



Laman sesawang: deps.mofe.gov.bn
 E-mel: info.statistics@jpes.gov.bn
 Instagram: @statistics.jpes



جباتن فرانچغن ايكونومي دان ستاتيستيك
 JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
 KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
 BRUNEI DARUSSALAM

INDEKS HARGA PENGGUNA

MEI 2024

Tahun-ke-Tahun

MEI 24
MEI 23

▼ **0.2%**

Bulan-ke-Bulan


MEI 24
APR 24

▲ **0.3%**

Tahun-ke-Tahun



Bulan-ke-Bulan



Tahun Asas (Jan 2015=100)



Bakul barangan dan perkhidmatan IHP yang bernilai **BND100.00** pada bulan **Januari 2015** kini bernilai **BND106.50** pada bulan **Mei 2024**

Penyumbang Utama Tahun-ke-Tahun

Makanan dan Minuman Ringan ▲ **1.6%**

Minuman Ringan



Makanan



Bukan Makanan ▼ **0.6%**

Perhubungan



Pengangkutan



Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain



Nota

- IHP mengukur perubahan harga purata bakul barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh isirumah pada tempoh yang tertentu.
- Perubahan bulan-ke-bulan bermaksud perbandingan harga dengan bulan sebelumnya.
- Perubahan tahun-ke-tahun bermaksud perbandingan harga dengan tahun sebelumnya.



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**INDEKS HARGA PENGGUNA
MEI 2024
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

TAJUK UTAMA:

INDEKS HARGA PENGGUNA MENURUN 0.2 PERATUS BAGI BULAN MEI 2024

1. Bagi bulan Mei 2024, Indeks Harga Pengguna (IHP) menunjukkan penurunan sebanyak 0.2 peratus berbanding bulan Mei 2023. Ini adalah didorong oleh penurunan bagi indeks Bukan Makanan sebanyak 0.6 peratus. Manakala, indeks Makanan dan Minuman Ringan meningkat sebanyak 1.6 peratus.
2. Penurunan bagi indeks Bukan Makanan adalah terutamanya disebabkan oleh harga-harga Perhubungan (2.8 peratus), khususnya perkhidmatan internet; dan Pengangkutan (1.6 peratus) berikutan penurunan bagi harga tiket penerbangan.
3. Sementara itu, peningkatan bagi indeks Makanan dan Minuman Ringan adalah didorong oleh kenaikan harga Minuman Ringan (10.6 peratus) khususnya minuman yang sedia untuk diminum; dan harga Susu, Produk Tenusu dan Telur (3.5 peratus).
4. Berbanding bulan April 2024, IHP bagi bulan Mei 2024 menunjukkan peningkatan sebanyak 0.3 peratus, berikutan peningkatan bagi indeks Makanan dan Minuman Ringan; dan indeks Bukan Makanan masing-masing sebanyak 0.1 peratus dan 0.3 peratus.
5. Peningkatan indeks Makanan dan Minuman Ringan adalah terutamanya disumbangkan oleh harga Sayur-sayuran (0.8 peratus); dan Daging (0.3 peratus). Manakala, peningkatan indeks Bukan Makanan adalah terutamanya disumbangkan oleh harga Pakaian dan Kasut (11.3 peratus); dan Perhiasan, Perkakasan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah (1.2 peratus).
6. IHP mengukur perubahan harga bakul barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan. Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Mei 2024 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui <https://deps.mofe.gov.bn>.



Website: deps.mofe.gov.bn
 Email: info.statistics@jpes.gov.bn
 Instagram: [@statistics.jpes](https://www.instagram.com/statistics.jpes)



جباتن فرانيچن ايكونومي دان ستاتيستيك
 DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
 MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
 BRUNEI DARUSSALAM

CONSUMER PRICE INDEX

MAY 2024

Year-on-Year

MAY 24
MAY 23

▼ **0.2%**

Month-on-Month

MAY 24
APR 24

▲ **0.3%**

Main Contributors Year-on-Year

Food and Non-Alcoholic Beverages ▲ **1.6%**

Non-Alcoholic Beverages

▲ **10.6%**

Food

▲ **0.4%**

Non-Food ▼ **0.6%**

Communication

▼ **2.8%**

Transport

▼ **1.6%**


Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels

▼ **1.1%**

Year-on-Year



Month-on-Month



Base Year (Jan 2015=100)



The same CPI basket of goods and services worth **BND100.00** in **January 2015** is now worth **BND106.50** in **May 2024**

Notes

- CPI measures the average change of prices of a fixed basket of goods and services paid by households in a certain period of time.
- Month-on-month means to compare prices with the previous month.
- Year-on-year means to compare prices with the same month in the previous year.



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

CONSUMER PRICE INDEX
MAY 2024
BRUNEI DARUSSALAM

MAIN HEADLINE:

CONSUMER PRICE INDEX DECREASED BY 0.2 PER CENT IN MAY 2024

- In May 2024, the Consumer Price Index (CPI) registered a decrease of 0.2 per cent compared to May 2023. This was due to a 0.6 per cent decrease in the Non-Food index. Meanwhile, the Food and Non-Alcoholic Beverages index recorded an increase of 1.6 per cent.*
- The decrease in the Non-Food index was mainly due to a fall in the prices of Communication (2.8 per cent), particularly internet services; and Transport (1.6 per cent), following a decline in air fare prices.*
- Meanwhile, an increase in the Food and Non-Alcoholic Beverages index was driven by the rise in the prices of Non-Alcoholic Beverages (10.6 per cent), particularly ready-to-consume drinks; and Milk, Dairy Products and Eggs (3.5 per cent).*
- Compared to April 2024, the CPI in May 2024 increased by 0.3 per cent. This increase was attributed to the rise in both Food and Non-Alcoholic Beverages index; and Non-Food index by 0.1 per cent and 0.3 per cent respectively.*
- The Food and Non-Alcoholic Beverages index increased mainly due to the prices of Vegetables (0.8 per cent); and Meat (0.3 per cent). Meanwhile, the increase in the Non-Food index was mainly contributed by Clothing and Footwear (11.3 per cent); and Furnishings, Household Equipment and Routine Household Maintenance (1.2 per cent).*
- The CPI is a measure of price changes of basket of goods and services paid by the consumer in a specified period and compiled on a monthly basis. The list of goods and services in the CPI is based on the average expenditure per household from the Household Expenditure Survey (HES). The CPI full report for May 2024 is available from the DEPS website at <https://deps.mofe.gov.bn>.*